

05/08/1997

Meningkatkan kesedaran kebersihan

`SUDAH berbuih mulut bercakap'. Itulah gambaran masyarakat Melayu terutama oleh ibu bapa apabila pelbagai nasihatnya tidak dipatuhi oleh anak walaupun sudah banyak kali diberitahu. Maka terpancarlah rasa kecewa di hati kerana cakap dan nasihat tidak diambil peduli langsung. Ibarat masuk telinga kanan, keluar telinga kiri.

Kita yakin rasa kecewa begini jugalah yang dirasakan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Sudah banyak kali beliau bercakap mengenai pentingnya rakyat menjaga kebersihan tetapi ia diibaratkan mencurah air ke daun keladi. Beberapa tahun lalu, Perdana Menteri pernah menyifatkan Pulau Pinang sebagai `Dustbin of the Orient' (Tong sampah Timur) kerana muak dengan pulau yang kotor itu. Tidak siapa boleh menafikan pandangan itu kerana pulau yang pada satu ketika dulu dikenali Mutiara Timur, berbau busuk malah sukar untuk mencari gerai yang bersih. Lalat dan manusia seakan-akan sama berlumba untuk merasai makanan yang dihidangkan di restoran atau gerai.

Beliau juga kerap membangkitkan tabiat membuang sampah yang masih menjadi amalan sebahagian besar penduduk Malaysia, sedangkan mereka sendiri tidak suka orang lain melakukan perbuatan terbabit. Pernah Dr Mahathir memberi contoh bagaimana semua orang mahu pergi berkelah di tempat yang bersih, tetapi mereka kemudiannya meninggalkan sampah di tempat berkenaan dengan harapan orang lain pula membersihkannya. Dr Mahathir juga kerap mengingatkan bahawa jika kita menjadi negara maju, rakyat tidak boleh berbangga dengan kejayaan itu jika gagal mengikis tabiat yang buruk seperti merosakkan keadaan sekeliling dan tidak peka kepada penjagaan kebersihan. Ini kerana kemajuan sesuatu negara ditonjolkan melalui cara hidup dan imej rakyatnya. Adalah memalukan jika Malaysia menjadi negara maju pada 2020, tetapi rakyatnya masih mengamalkan cara hidup yang kotor dan tidak berdisiplin.

Kita seharusnya menghentikan tabiat ini, bukan secara berperingkat-peringkat tetapi serta-merta jika mahu menjadi model kepada negara membangun yang lain. Kelmarin, Perdana Menteri sekali lagi membangkitkan soal kebersihan kerana jika terus dipandang ringan, ia akan mengaibkan pemimpin negara kita, rakyat dan juga imej negara. Kita bimbang tahap kebersihan di kalangan rakyat negara akan dilihat oleh masyarakat antarabangsa sebagai tidak menunjukkan keseimbangan dengan taraf pembangunan ekonomi dan sosial yang kita capai.

Kebersihan sebenarnya amat berkait rapat dengan seluruh kegiatan kehidupan manusia. Ia adalah amalan dan nilai yang baik serta dituntut oleh agama. Malangnya, kepekaan kita masih kurang dalam hal ini. Paras kebersihan, khususnya di premis kemudahan awam seperti tandas dan tempat rekreasi, masih tidak memuaskan terutama di Kuala Lumpur.

Sikap tidak apa terhadap kebersihan juga boleh menyusahkan semua. Tidak berapa lama dahulu, penyakit taun melanda kita yang mana boleh disifatkan antara yang terburuk dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini. Punca wabak ini yang dikenal pasti ialah air batu yang dijual di beberapa gerai di Pulau Pinang. Lebih 100 kes yang disahkan di luar Pulau Pinang juga berasal dari negeri itu. Semuanya dikatakan bermula di Karnival Guru Pelatih yang diadakan di sebuah maktab perguruan. Wabak itu bukan saja menakutkan kita sendiri malah pelancong asing. Industri pelancongan mengalami kerugian berikutan ramai di kalangan pelancong yang bimbang dengan wabak itu, membatalkan rancangan untuk bercuti di negara ini.

Amalan membuang sampah sesuka hati sehingga menyebabkan sistem perparitan tersumbat adalah antara faktor yang menyebabkan banjir besar berlaku pada tahun 1993 sehingga menyusahkan penghuni sendiri.

Sesungguhnya, menjaga kebersihan ini mesti diamalkan oleh semua pihak dan lapisan masyarakat. Sama ada dewasa atau kanak-kanak, sifat jijik kepada kekotoran mesti ditanam. Kita percaya tempat untuk memupuk amalan itu adalah di sejak kecil dan di bangku sekolah lagi. Kita yakin kesedaran sivik tinggi di kalangan rakyat ditambah pula penguatkuasaan, akan menjadikan semua pihak peka kepada menjaga kebersihan. Malangnya, apabila program dijalankan dengan mengasuh murid mengutip sampah di sekitar kawasan sekolah, mengemas bilik darjah dan membersihkan tandas, timbul pula rasa kurang senang di kalangan ibu bapa sendiri yang menyifatkannya tidak wajar.

(END)